

Dua negara teroka peluang kerjasama bidang baharu

Malaysia, Australia sedia perkukuh hubungan, tingkat perdagangan

Daripada
Shahrizan Salian
bhnews@bh.com.my

di Melbourne



Malaysia dan Australia meneroka peluang kerjasama dalam bidang baharu muncul ketika kedua-dua negara memulakan era progresif baharu dengan tiga tonggak utama yang dikenal pasti adalah kemakmuran ekonomi, masyarakat dan teknologi serta pertahanan dan serantau.

Bagi mencapai matlamat itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau bersedia untuk bekerjasama erat dengan Perdana Menteri Australia, Anthony Albanese, bagi mengangkat hubungan yang sudah lama terjalin ke tahap lebih tinggi.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Australia yang akan meraikan ulang tahun ke-70 hubungan diplomatik pada tahun depan, sudahpun membina kerjasama mantap dalam pelbagai bidang kerjasama.

Katanya, hubungan itu diperkukuhkan lagi dengan Kerjasama Strategik Komprehensif (CSP) pada 2021 yang menyediakan pelan tindakan untuk membangunkan kerjasama dalam pelbagai bidang, termasuk perdagangan dan pelaburan, pendidikan, belia dan sukan, ekonomi digital serta keselamatan siber.

"Tenaga boleh diperbaharui... teknologi hijau dan pastinya (bidang) digital. Keterjaminan ma-

kanan juga penting bagi kita dan ini menjadi satu keperluan mendesak di beberapa negara, termasuk Malaysia.

"Begitu juga pendidikan. Terdapat banyak institusi pengajian tinggi dan universiti kebangsaan (Australia) yang menubuhkan kampus di Malaysia, yang amat kami alu-alukan. Adalah menjadi tugas dan komitmen kami untuk memudah cara, malah mempercepatkan prosesnya," katanya pada sidang media bersama Albanese selepas Mesyuarat Pemimpin Tahunan (ALM) Kedua Malaysia-Australia, di sini, semalam.


Terdahulu, Anwar diberikan sambutan rasmi oleh Gabenor Victoria, Margaret Gardener dan Albanese di Rumah Kerajaan, Victoria.

Ini adalah lawatan rasmi sulung Anwar ke Australia dengan mengetuai delegasi Malaysia ke ALM serta Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia.

Kedua-dua pemimpin juga menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Kerjasama Pendidikan Tinggi; MoU dalam bidang Sukan; MoU dalam Keselamatan Siber dan Teknologi Kritikal; dan Kerjasama Praktikal antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Australia dalam bidang Sains dan Teknologi dan Aplikasinya untuk Pelaksanaan Perjanjian Pengharaman Ujian Nuklear Komprehensif (CTBT).

MoU terbabit diwakili oleh Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan. Yang turut hadir ialah Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, serta Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Memperincikan mengenai tonggak kemakmuran ekonomi, Anwar berkata, beliau dan Albanese bersetuju masih banyak potensi yang boleh diteroka untuk meningkatkan lagi jumlah perdagangan antara Malaysia dengan Australia, walaupun per-



Anwar dan Albanese menyaksikan pertukaran MoU di antara Mohamad dengan Menteri Luar Australia, Penny Wong pada Sidang Media Bersama di Rumah Kerajaan Victoria, di Melbourne, semalam. (Foto AFP)

tumbuhan perdagangan dua hala yang dicatat adalah mengagumkan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Rakan perdagangan ke-10

Ketika ini, Australia adalah rakan perdagangan ke-10 terbesar Malaysia.

"Kami bersetuju kedua-dua pihak akan mengutamakan usaha untuk menyegar dan memodenkan kerjasama Australia-Malaysia bagi memastikan kedua-dua ekonomi menjadi maju, selamat serta berdaya tahan secara digital.

"Kerajaan mengalu-alukan syarikat Australia untuk terbabit dalam projek pembuatan dan industri sedang pesat membangun di Malaysia, terutama dalam bidang tenaga boleh diperbaharui serta teknologi agro, selain menubuhkan usaha sama (JV) bagi membangunkan industri pertengahan dan hiliran," katanya.

Perdana Menteri berkata, menerusi tonggak masyarakat dan teknologi, Malaysia dan Australia mengesahkan lagi komitmen untuk meningkatkan kerjasama dalam pelbagai sektor sebagai tindak balas kepada keperluan

perniagaan yang sedang berubah, termasuk ekosistem vaksin dan peralihan tenaga bersih.

"Dijangkakan juga pembaharuan MoU dalam Pendidikan Tinggi serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) akan meningkatkan lagi penyelidikan serta kerjasama berasaskan teknologi tinggi antara universiti dari kedua-dua negara," katanya.

Menerusi tonggak pertahanan dan serantau pula, Anwar berkata, kedua-dua negara bersetuju untuk menerusi serta meningkatkan kerjasama pertahanan dan keselamatan bawah Program Pertahanan Bersama Malaysia-Australia (MAJDP), kerjasama maritim, membantaras keganasan serta jenayah transnasional, selain keselamatan siber.

"Kami juga membincangkan serta bertukar pandangan berhubung pelbagai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kebimbangan bersama, terutama krisis Palestin-Israel, di mana Malaysia mempunyai pendirian yang tegas terhadap isu ini," katanya.